Selamatkan 4.8 juta pekerja

Pakej Prihatin Tambahan RM10 bilion untuk pastikan rakyat Malaysia tidak hilang pekerjaan kerana Covid-19

Oleh JUNHAIRI ALYASA

PUTRAJAYA

Kerajaan mengumumkan langkah tambahan menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin (Prihatin Tambahan) untuk memastikan seramai 4.8 juta pekerja di negara ini terus mendapat pekerjaan.

Pakej bernilai RM10 bilion itu juga bertujuan membantu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) ekoran langkah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi membendung penularan wabak koronavirus (Covid-19).

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, langkah tambahan itu diambil berikutan maklum balas yang diterima daripada pihak industri dan pertubuhan bukan kerajaan yang mewakili sektor tersebut.

Beliau menjelaskan, rata-rata majikan memberi pandangan bahawa perniagaan mereka kini terjejas dan memerlukan bantuan tambahan daripada kerajaan.

"Pakej tambahan berjumlah RM10 bilion ini diharapkan dapat membantu meringankan beban kewangan PKS dan seterusnya menjamin dua pertiga daripada jumlah pekerja di negara ini terus mendapat pekerjaan," katanya menerusi perutusan khas di Bangunan Perdana Putra di sini yang turut disiarkan secara langsung menerusi televisyen dan media sosial semalam.

Pada 27 Mac lalu, Muhyiddin mengumumkan bahawa kerajaan dan Bank Negara Malaysia (BNM) akan dana tambahan berjumlah RM4.5 bilion dengan lima inisiatif.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, beliau sedar bahawa PKS merupakan tunjang utama ekonomi negara dan sektor itu menyumbang lebih dua pertiga daripada jumlah pekerjaan di negara ini dan meliputi hampir 40 peratus daripada ekonomi.

"Oleh itu, adalah penting kita pastikan sektor PKS dapat terus cekal dan mampan dalam menghadapi tekanan dan cabaran ekonomi yang melanda kita semua pada waktu ini," ujar beliau.

Menurut Muhyiddin, antara cabaran utama yang dihadapi ialah masalah aliran tunai perniagaan berikutan pelaksanaan PKP.

Selain itu, beliau berkata, para pengusaha PKS juga berhadapan dengan isu birokrasi dan pentadbiran yang menghalang akses segera terhadap bantuan yang telah disediakan oleh kerajaan dalam Pakej Prihatin.

"Sehubungan itu, saya telah minta Menteri Kewangan untuk mengadakan sesi libat urus dengan pihak pengusaha kecil dan sederhana.

"Tujuannya adalah untuk mencari jalan penyelesaian kepada masalah yang mereka hadapi. Di pihak kerajaan kita cuba bantu dengan sebaik mungkin," katanya.

Muhyiddin berharap agar Pakej Prihatin Tambahan itu akan dapat melindungi pekerjaan rakyat Malaysia di samping menjamin daya tahan perniagaan.

"Pada masa yang sama, kerajaan akan meneruskan amalan dan disiplin fiskal yang tinggi demi memastikan keadaan kewangan negara terus kukuh dan terkawal.

"Insya-ALLAH, apabila Parlimen bersidang nanti, kerajaan akan membentangkan Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan untuk semua pakej rangsangan ekonomi yang telah diumumkan," kata beliau.

Muhyiddin selepas mengumumkan Pakej Prihatin Tambahan di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya semalam.

INFO

PENDUDUK BEKERJA

- Jumlah Penduduk Bekerja: 15,074,000
- Jumlah Penduduk Bekerja Warganegara: 12,837,000
- Jumlah Penduduk Bekerja Bukan Warganegara: 2,237,000

JENIS PEKERJAAN

- Jumlah Pekerja: 12,837,000
- Pekerja Kerajaan: 1,696,000
- Pekerja Swasta: 9,549,000
- Majikan: 551,000
- Bekerja sendiri: 2,720,000
- Pekerja keluarga tanpa gaji: 558,000

Sumber: Survei Tenaga Buruh, 2019

SUBSIDI GAJI YANG DIPERKENALKAN OLEH NEGARA DI DUNIA KEPADA SYARIKAT DALAM MENGHADAPI COVID-19

Negara	Peratus daripada gaji	Tempoh
Perancis	84 %	2 bulan
United Kingdom	80 %	3 bulan minimum
Denmark	75 %	3 bulan
Singapura	75 %	6 bulan
Arab Saudi	60 %	3 bulan
Jerman	60 %	3 bulan sehingga 12 bulan